

E-Invois: Ke Arah Sistem Percukaian yang Lebih Mampan

Apa itu e-Invois dan bagaimanakah pelaksanaannya di Malaysia?

E-Invois merupakan gambaran transaksi berbentuk digital yang dilaksanakan antara penjual dengan pembeli bagi menggantikan penggunaan dokumen kertas atau elektronik. E-Invois bukanlah asing dalam persada dunia memandangkan sistem ini mula diperkenalkan sejak tahun 2001 dan telah digunakan di pelbagai negara seperti Chile, Brazil, Mexico, Denmark, Itali, Perancis, Arab Saudi, Mesir, Korea Selatan, Singapura dan China.

Sistem e-Invois akan dilaksanakan di seluruh negara secara berperingkat untuk memastikan pembayar cukai mempunyai tempoh masa yang mencukupi dalam menyediakan dan menyesuaikan diri dengan pelaksanaan e-Invois. Bagi fasa permulaan, e-Invois akan dilaksanakan secara mandatori kepada pembayar cukai dengan pendapatan tahunan atau jualan melebihi RM100 juta mulai 1 Ogos 2024, manakala pembayar cukai dalam kategori pendapatan lain akan dikuatkuasakan secara berperingkat dengan pelaksanaan menyeluruh mulai 1 Julai 2025.

Anjakan ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam menerima pakai kemajuan digital dan mengurangkan pergantungan terhadap prosedur manual serta mendorong Malaysia ke arah ekonomi digital. Pelaksanaan e-Invois bukan sahaja memberikan pengalaman yang lancar kepada pembayar cukai, tetapi meningkatkan kecekapan perniagaan melalui automasi proses invois dan mengurangkan tugas pentadbiran, serta meningkatkan pematuhan cukai merentas perniagaan daripada semua saiz.

Apakah Manfaat e-Invois kepada Perniagaan?

Pelaksanaan e-Invois akan meningkatkan kecekapan dan melancarkan operasi perniagaan pembayar cukai. Selain itu, meningkatkan tahap pematuhan cukai termasuklah mengurangkan proses manual dan kesilapan dalam pelaporan, memudahkan pengemukaan Borang Nyata, meningkatkan kecekapan operasi dan mendigitalkan pelaporan percukaian dan kewangan. Dalam pada itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau HASiL akan mengguna pakai model *Continuous Transaction Control (CTC)* yang mana pengesahan dokumen dan transaksi e-Invois dilakukan dalam masa hampir sertainsta.



Mengurangkan proses manual dan kesilapan
Pengemukaan Invois bersepadu melalui penyediaan dan pengemukaan dokumen transaksi & data secara elektronik



Memudahkan pengemukaan borang nyata
Pelaporan percukaian yang cepat dan tepat melalui integrasi sistem yang lancar



Meningkatkan kecekapan operasi
Pemeriksaan kecekapan pengemukaan serta meminimumkan masa dan kos




Mendigitalkan pelaporan percukaian dan kewangan
Penyediaan proses digitalisasi dan pelaporan kewangan berdasarkan piawaian industri

Manfaat Pelaksanaan e-Invois.

Apakah Perbezaan Sebelum dan Selepas Pelaksanaan e-Invois?


Secara tradisinya, sesebuah perniagaan akan mengeluarkan salinan resit, bil atau invois sama ada secara fizikal atau versi digital untuk merekodkan urus niaga, seperti penjualan produk atau perkhidmatan. Bagi tujuan percukaian, peniaga (pembekal) dan pengguna (pembeli) perlu menyimpan rekod transaksi yang teratur sama ada dalam bentuk kertas atau digital sebagai bukti perbelanjaan atau hasil.



Perbezaan Sebelum dan Selepas Pelaksanaan e-Invois.

Dengan pelaksanaan e-Invois, semua perniagaan diwajibkan untuk mengeluarkan e-Invois bagi setiap transaksi. Terdapat dua senario utama untuk transaksi perniagaan kepada pengguna (B2C) selepas pelaksanaan e-Invois iaitu:

- Senario 1: Apabila pengguna memerlukan e-Invois daripada perniagaan
- Senario 2: Apabila pengguna tidak memerlukan e-Invois



Aliran Proses Pelaksanaan e-Invois.


Senario 1: Apabila pengguna memerlukan e-Invois daripada perniagaan

Secara ringkasnya, sekiranya pengguna memohon e-Invois, sesebuah perniagaan mesti mendapatkan maklumat yang diperlukan daripada pengguna untuk memudahkan pengeluaran e-Invois. E-Invois yang telah disahkan oleh HASiL boleh digunakan sebagai bukti perbelanjaan pengguna untuk mengesahkan sesuatu transaksi bagi tujuan cukai.

Dalam usaha untuk memudahkan pematuhan terhadap keperluan e-Invois serta meringankan beban kedua-dua belah pihak, iaitu perniagaan dan pengguna, HASiL membenarkan sesebuah perniagaan agar mengumpulkan transaksi dengan pengguna yang tidak memerlukan e-Invois secara bulanan bagi pengesahan HASiL, dalam tempoh tujuh hari kalendar selepas akhir bulan.


Senario 2: Apabila pengguna tidak memerlukan e-Invois

Jika pengguna tidak memerlukan e-Invois, perniagaan akan mengeluarkan resit atau invois tetap kepada pengguna dan tidak perlu dikemukakan untuk pengesahan HASiL. Sekiranya pengguna memerlukan e-Invois selepas menerima resit atau invois biasa daripada perniagaan, permohonan perlu dibuat dalam bulan yang sama selepas transaksi.



Kaedah Pengeluaran e-Invois kepada Pengguna.

Maklumat lanjut dan garis panduan berkaitan dengan pelaksanaan e-Invois boleh diperolehi melalui Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my di bawah menu e-Invois. Sebarang maklum balas atau pertanyaan juga boleh disalurkan melalui e-mel myinvois@hasil.gov.my.



Melintang

1. E-Invois merupakan satu transaksi berbentuk _____ yang dilaksanakan antara penjual dengan pembeli bagi menggantikan penggunaan dokumen kertas atau elektronik.
2. Pelaksanaan e-Invois akan mengurangkan _____ dalam pelaporan.
3. Pelaksanaan e-Invois dilaksanakan secara _____ mulai 1 Ogos 2024.
4. Pergantungan kepada prosedur _____ akan dikurangkan dengan pelaksanaan e-Invois.

Menegak

5. Bagi tujuan percukaian, peniaga dan pengguna perlu menyimpan rekod transaksi yang teratur sebagai _____ atau hasil.
6. Pelaksanaan e-Invois dapat memberikan pengalaman yang lancar kepada pembayar cukai melalui _____ proses invois dan mengurangkan tugas pentadbiran, serta meningkatkan pematuhan cukai.
7. E-Invois akan dilaksanakan secara _____ kepada semua pembayar cukai mulai 1 Julai 2025.
8. Pelaksanaan e-Invois akan meningkatkan _____ dan melancarkan operasi perniagaan pembayar cukai serta meningkatkan tahap pematuhan cukai.

PERATURAN

1. Semua pembaca *Dewan Siswa* yang berumur antara 13 tahun hingga 21 tahun boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Keputusan pengadil muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
3. Tekaan hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada **31 Julai 2024**. Jawapan yang diterima dengan lebih awal dan betul semua jawapannya akan diberikan keutamaan.
4. Sertakan nama penuh, alamat, nombor telefon dan jawapan yang tepat.

Borang Penyertaan

Nama : No. Kad Pengenalan :

Alamat Rumah : No. Telefon :

..... Nama Bank :

..... No. Akaun Bank : (Akaun bank milik peserta)

Nama Sekolah/Institut : E-mel :

Alamatkan jawapan anda kepada:

Editor *Dewan Siswa*, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 50460 Kuala Lumpur
atau e-melkan kepada sitiirni@dbp.gov.my atau syafiqahkhalid@dbp.gov.my

